

30 penuntut USIM jayakan KSB 1Malaysia

SEREMBAN 14 Ogos - Seramai 30 mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai program Khidmat Seni Budaya 1Malaysia (KSB 1Malaysia) menerusi lawatan ke Kampung Menerong, Ajil, Terengganu, baru-baru ini.

KSB 1Malaysia anjuran Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) USIM itu sudah masuk kali kelima diadakan dan ia berkunjung ke beberapa lokasi seperti Kubang Pasu, Kedah; Kluang, Johor; Kajang, Selangor dan Langkawi, Kedah.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah berkata, program tersebut bertujuan memperkenalkan USIM khususnya dalam kalangan masyarakat setempat melalui medium seni budaya.

"Inisiatif ini juga secara tidak langsung dapat mengukuhkan ikatan silaturahim antara penduduk yang agak kurang terdedah kepada kesenian 1Malaysia.

"Kesungguhan yang dipamerkan

oleh siswa dan siswi yang terlibat dalam program ini telah meyakinkan saya bahawa mereka mampu mengorak dan mengukuhkan jati diri untuk menempuh serta membina kualiti kepimpinan dalam diri mereka," katanya di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ajil, Datuk Rasol Wahid memberitahu, program sedemikian membawa keunikan kesenian dan kebudayaan 1Malaysia selain menjadi pengisian khidmat komuniti.

"Kehadiran pihak USIM sendiri membawa perubahan pemikiran masyarakat terhadap kesenian, malah dengan berlangsungnya program seperti ini, ternyata lebih jelas bahawa Islam dan kesenian itu sendiri tidak boleh dipisahkan," katanya.

Antara pengisian sepanjang program lima hari itu termasuk Rakan Seni Budaya, Santai Bersama Masakan ibu, Senam Seni, Tazkirah, solat berjemaah, Karnival Permainan Tradisional dan Manifestasi Seni. ~



SALAH seorang penuntut Universiti Sains Islam Malaysia menunjukkan gerak seni tarian kepada murid Sekolah Kebangsaan Kampung Menerong di Ajil, Terengganu, baru-baru ini.